PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

http://jurnal.plm.org.my/

JURNAL LINGUISTIK Vol. 18(2) Disember.2014 (001-010)

Adaptasi Fonologi Kata Pinjaman Thai dalam Dialek Melayu Patani: Analisis Tatatingkat Kekangan

Hayati Lateh & Zaharani Ahmad
yatithai@ukm.edu.my, zaharani@ukm.edu.my
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA.

Abstrak
Kertas ini bertujuan untuk menghurai dan menjelaskan proses adaptasi fonologi yang berlaku pada kata pinjaman Thai yang diserap masuk ke dalam dialek Melayu Patani. Sistem fonologi dialek Melayu Patani khususnya yang melibatkan suku kata tidak membenarkan kehadiran rangkap konsonan atau vokal di mana-mana nodus suku kata sama ada di onset nukleus mahu pun di koda. Oleh sebab itu, kata pinjaman Thai yang mengandungi rangkap konsonan dan rangkap vokal lazimnya ditangani oleh proses penyisipan vokal dan peleburan vokal. Kedua-dua fenomena fonologi ini akan dianalisis dengan menggunakan pendekatan tatatingkat kekangan daripada teori Optimaliti. Kekangan yang menghalang kemunculan rangkap konsonan dan rangkap vokal dalam struktur suku kata dikawal oleh kekangan kebertandaan *KOMPLEKS. Pematuhan Kekangan *KOMPLEKS melibatkan pengingkaran kekangan kesetiaan DEP-IO dan UNIFORMITI. Tata tingkat kekangan dalam nahu dialek Melayu Patani adalah kekangan kebertandaan harus mendominasi kekangan kesetiaan.

Kata kunci: kekangan, rangkap konsonan, rangkap vokal, peleburan vokal, kata pinjaman

Abstract
*This paper aims to describe and explain the phonology of adaptation of Standard Thai loanwords in Patani Malay dialect. The phonological system of Patani Malay dialect especially with regards to its syllabus structure does not allow consonant or vowel sequences occur at any syllabus nodes either at the onset or the coda position. Hence, any standard Thai loanword with a consonant clusters and vowel sequences will be resolved by vowel epenthesis and vowel coalescence. These phonological fenomena are analyzed in this study by using the constraint-based approach of Optimality Theory. The constraint which prohibits consonant and vowel sequences in the syllable structure is governed by the markedness constraint of * COMPLEX. The satisfaction of *COMPLEX compel a violation of DEP-IO and UNIFORMITY. The constraint hierarchy of Patani Malay grammar is that the markedness constraint is more dominant than the faithfulness constraint.*

Keywords: constraint, consonant cluster, vowel sequences, vowel coalescence, loanword

1. Pengenalan

Thailand adalah salah sebuah negara di Asia Tenggara dan mempunyai populasi yang berjumlah 67 juta orang. Negara tersebut mempunyai 60 bahasa pelbagai etnik dan bahasa. Bahasa tersebut dibahagikan kepada tiga kelompok bahasa iaitu :1) Bahasa Thai standard 2) Dialek-dialek Thai (dialek utara, dialek selatan, dialek tengah dan dialek Isan) 3) Bahasa minoriti (dialek Melayu Patani, Khmer, Karen, Mon, Teuwchu, Puan, Hmong, Lahu, Akha, Lawa) (Luangthongkum 2008: 192).

Dialek Melayu Patani (DMP) tergolong dalam kelompok bahasa minoriti dan ia dituturkan oleh kaum peribumi Melayu yang beragama Islam yang tinggal di lima wilayah selatan Thai iaitu Wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun dan sesetengah kawasan di Bangkok (Luangthongkum 2008, Worawit 2005 , Phaitoon 2005).

2. Kajian Lepas

DMP berbeza sama sekali dengan bahasa Thai yang merupakan bahasa kaum majoriti. Penduduk Patani bersifat dwibahasa iaitu mereka boleh bertutur dalam DMP dan bahasa Thai Standard (BTS) dengan fasihnya. BTS adalah bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa ibu kota, bahasa pendidikan dan bahasa kesusasteraan. Ia juga berfungsi sebagai bahasa *lingua franca* antara kaum di negara Thailand (Paitoon 2005). Pertembungan kedua-dua bahasa tersebut menyebabkan berlakunya peminjaman kosa kata dalam DMP. Pertambahan kosa kata melalui peminjaman daripada Bahasa lain merupakan salah satu bukti yang menunjukkan bahasa itu hidup dan sentiasa berkembang (Zaharani et.al, 2011).

3. Metodologi

Data kajian yang dianalisis adalah data sekunder yang dipetik daripada kajian Syed Abdullah Al-Jufri (1983) dan Worawit (1990). Kertas ini bertujuan untuk menghuraikan secara deskriptif dan teoretis tentang perilaku fonologi kata pinjaman BTS yang menyerap ke dalam DMP yang melihatkan proses penyisipan vokal dan peleburan vokal. Kedua-dua fenomena ini akan ditangani dengan menggunakan teori Optimaliti (Prince & Smolensky 1993, McCarthy & Prince 1993a&b). Gagasan utama TO ialah nahu itu terdiri daripada seperangkat kekangan kepurnaan bentuk (*a set well-formedness constraints*) yang bersifat sejagat (*universal*) dan tersusun dalam satu tatatingkat yang berhierarki. Kekangan yang berada pada tatatingkat yang rendah boleh diingkari secara minimal untuk mematuhi kekangan yang berada pada tatatingkat yang lebih tinggi. Calon yang mengingkari kekangan yang lebih tinggi akan ditolak, manakala calon yang mengingkari kekangan yang paling rendah daripada set kekangan akan muncul sebagai calon optimal pada peringkat permukaan.

4. Analisis dan Perbincangan

Bahasa Thai dan DMP berasal dari keluarga bahasa yang berlainan. Bahasa Thai diturunkan daripada keluarga bahasa Tai, manakala DMP diturunkan daripada keluarga Austronesia. Kedua-dua bahasa tersebut menunjukkan beberapa ciri perbezaan: i) kebanyakan perkataan bahasa Thai terdiri daripada satu suku kata, manakala DMP terdiri daripada dua suku kata; ii) perkataan Thai memiliki fitur nada yang membezakan makna, sedangkan kata-kata DMP tidak ada fitur tersebut sebagai pembeza makna; iii) perkataan Thai mempunyai vokal panjang dan pendek untuk membawa maksud yang berbeza (contoh [loŋ] “turun” lawan [loːŋ] “keranda”) sedangkan panjang atau pendek dalam DMP tidak membezakan makna. Jadual (1) di bawah menyenaraikan kata pinjaman BTS yang meresap masuk ke dalam DMP.

Jadual 1. Penyisipan vokal dalam DMP

	BTS	DMP	MAKNA
ตรา	/traː/	/ təra/	label
แตร	/trɛː/	/tərɛ/	hon
ดนตรี	/dontriː/	/dontəri/	muzik
ขรัด	/kʰràːt/	/gəɣaʔ/	pencakar
กะโปร่ง	/kaprò:ng/	/kapəɣoN/	skirt
ครู	/kʰruː/	/kʰəru/	guru
ปลอม	/plɔːm/	/pəlɔN/	tiruan
ปรับ	/pràb/	/pəraʔ/	denda

Jadual 1 menyenaraikan sebahagian daripada kata pinjaman BTS yang meresap masuk ke dalam DMP. Kata BTS yang terdiri daripada satu suku kata dan mempunyai rangkap konsonan berubah menjadi dua suku kata dalam DMP.

Penyisipan vokal

Struktur suku kata BTS membenarkan rangkap konsonan hadir di posisi onset tetapi tidak di posisi koda. Sebaliknya, struktur suku kata DMP tidak membenarkan rangkap konsonan wujud sama ada di posisi onset mahupun di koda. Apabila kata dari BTS yang berstruktur KKVK diserap masuk ke dalam DMP, maka akan berlaku perubahan fonologi. Dua strategi fonologi yang dibenarkan iaitu (i) penyisipan vokal di antara konsonan (i.e KKV >> KVKV) dan (ii) pengguguran konsonan pertama atau kedua (i.e KKV >> KV) (Miao: 2005:91).

Berdasarkan data dalam jadual (1) di atas, perubahan suku kata telah berlaku iaitu dari satu suku kata kepada dua suku kata yang melibatkan penyisipan vokal schwa [ə] dalam DMP. Input yang mempunyai rangkap konsonan di posisi onset telah disisip dengan vokal schwa[ə] di antara konsonan tersebut di peringkat output. Penyisipan vokal juga berlaku dalam BM dan kebanyakan dialek Melayu yang lain. Ia juga berlaku dalam banyak bahasa dan dialek di dunia seperti bahasa Belanda (Booij 1995;Warner et al. 2001), Sekani (Hargus 1988), Tigre (Raz 1983), Awngi (Cushitic; Hetzron 1997), Arab Moroko (Heath 1987), Lenakel (Kager 1999), Berber (Kossman& Stroomer 1987), Malayalam (Sadanandan 1999), Jerman (Wiese 1996), Inggeris, Chukchi, Itelman, karo Batak, Ladahki, Mongolian, dan Wolof (de Lacy 2002), Lombadi 2003 (semua dlm Adi Yasran 2004:151). Penyisipan schwa didorong oleh kekangan * KOMPLEKS yang didefinisikan seperti di bawah:

1. *KOMPLEKS (Prince dan Smolensky 1993)
   Setiap nodus suku kata tidak harus dihubungkan dengan lebih daripada satu K (konsonan) atau V(vokal).

Berdasarkan kekangan ini, setiap kata yang mempunyai suku kata kompleks sama ada di posisi nukleus, onset atau koda dianggap mengingkari kekangan *KOMPLEKS. Oleh kerana proses penyisipan memberikan struktur suku kata atau penyukuan ini melibatkan *input* (bentuk dalaman) dan juga *output* (bentuk permukaan), kekangan yang ada hubungan dengan kedua-duanya yang dikenali sebagai keluarga kekangan kesetiaan (*faithfulness constraint family*) tentu saja penting dan relevan. Pematuhan *KOMPLEKS menyebabkan berlakunya pengingkaran kekangan kesetiaan DEP-IO.

2. DEP-IO
Setiap segmen output mesti mempunyai koresponden dalam input (penyisipan segmen tidak dibenarkan).
Dalam kes ini kekangan *KOMPLEKS dan DEP-IO dikatakan berada dalam keadaan konflik, iaitu pematuhan pada kekangan *KOMPLEKS akan melibatkan pengingkaran pada kekangan DEP-IO. Dalam TO kekangan yang berkonflik harus ditatatingkatkan dalam bentuk dominasi berhierarki di antara satu sama lain. Bagi DMP, kekangan *KOMPLEKS harus mendominasi DEP-IO, dan interaksi antara dua kekangan ini dapat dilihat dalam tablo di bawah.

Tablo 1: Penyisipan vokal schwa / ə / dalam DMP*

/ prab/	*KOMPLEKS	DEP-IO
a. praʔ	*!	
☞b. pə.raʔ		*

* Perubahan /b/ menjadi /ʔ/ tidak dibincangkan dalam kertas ini.

Seperti yang dapat dilihat dalam tablo 1 di atas, calon (a) tewas lebih awal kerana ia telah mengingkari kekangan yang lebih dominan, iaitu *KOMPLEKS yang tidak membenarkan satu nodus suku kata diduduki oleh urutan segmen [pr]. Pengingkaran *KOMPLEKS dapat dielak oleh calon (b) dengan cara menyisipkan vokal schwa / ə /, dan kesan daripada penyisipan tersebut calon b mengingkari DEP-IO. Pengingkaran DEP-IO, walau bagaimanapun, adalah minimal kerana kedudukannya berada lebih rendah daripada *KOMPLEKS. Justeru, calon (b) adalah calon optimal berbanding dengan calon (a).

Selain daripada penyisipan vokal, pematuhan kekangan *KOMPLEKS boleh diperoleh melalui pengguguran konsonan. Calon yang dianggap munasabah untuk diberi pertimbangan ialah [paʔ] atau [raʔ]. Apabila segmen /r/ atau /p/ digugurkan, maka tidak wujud onset kompleks, maka kekangan *KOMPLEKS tidak diingkari. Selain daripada mematuhi *KOMPLEKS, calon ini juga tidak melanggar kekangan DEP-IO kerana calon tersebut tidak menyisip sebarang vokal di peringkat output. Walaupun calon yang mengalami pengguguran segmen ini menepati kedua-dua kekangan di atas, namun ia telah mengingkari kekangan kesetiaan MAKS-IO yang didefinisikan seperti di bawah.

3. MAKS-IO

Setiap segmen dalam input semestinya mempunyai koresponden dalam output (pengguguran segmen tidak dibenarkan). Pengguguran konsonan adalah satu proses yang aktif dalam DMP khususnya dalam mematuhi kekangan SYARAT KODA. Justeru, MAKS-IO perlu diletakkan di tahap yang lebih rendah daripada kekangan DEP-IO. Tatatingkat kekangan DMP yang disarankan adalah *KOMPLEKS >> DEP-IO>> MAKS-IO.

Tablo 2: Kekangan *KOMPLEKS >> DEP-IO >> MAKS-IO.

/ prab/	*KOMPLEKS	DEP-IO	MAKS-IO
a. praʔ	*!		
☺b. pə.raʔ		*!	
☹ c. paʔ			*

Tablo 2 di atas menunjukkan calon (a) telah mengingkari kekangan yang paling tinggi dalam tatatingkat kekangan iaitu *KOMPLEKS, lalu tersingkir. Kedudukan MAKS-IO yang lebih rendah daripada kekangan DEP-IO menjadikan calon (c) sebagai pemenang. Walau bagaimanapun, calon (c) tidak terpilih sebagai calon optimal lalu ditandakan dengan ikon ☹. Ini kerana calon optimal yang sebenar adalah calon (b) yang ditandakan dengan ikon ☺.


Berdasarkan contoh-contoh yang disenaraikan dalam jadual (1), tiada satu pun data DMP yang menggugurkan konsonan di posisi onset. DMP lebih cenderung untuk mengubah kata yang bersuku kata tunggal menjadi dua suku kata. Kata dasar dalam DMP, seperti dialek-dialek Melayu yang lain adalah bersifat dua suku kata. Kecenderungan menjadikan perkataan dua suku kata ini dikawal oleh kekangan kata minimal dalam keluarga kekangan kebertandaan prosodik, iaitu kata prosodik (KtPr) sama dengan kaki dedua (KD)(*foot binarity*) di bawah analisis suku kata atau ringkasnya KtPr=KD-σ, dan kekangan ini boleh diformulasikan seperti di bawah (Adam 2002):

4. Kekangan kata minimal

KtPr=KD-σ

Satu suku kata prosodik hendaklah mempunyai satu kaki (dua suku kata) di bawah analisis suku kata.

5. Diagram KtPr=KD-σ



Suku kata prosodik mempunyai satu kaki dan satu kaki mempunyai dua suku kata. Dalam kata pinjaman BTS, kekangan KtPr=KD-σ mendominasi DEP-IO dan MAKS-IO, tetapi harus disusun di bawah kekangan *KOMPLEKS. Ini kerana data DMP menunjukkan suku kata yang lebih dan kurang daripada dua suku kata seperti dalam kata dasar [bɔh] 'banjir' dan kata terbitan [ba.ʧɑ´.ʔɛˇ] 'bacaan' boleh wujud, justeru kekangan KtPr=KD-σ ini boleh diingkari pada situasi yang lain. Berikut adalah susunan tatatingkat kekangan untuk menangani fenomena onset kompleks bagi kata pinjaman BTS yang diserap ke dalam DMP, iaitu *KOMPLEKS >> KtPr=KD-σ >> DEP-IO>> MAKS-IO.

Tablo 3: Kekangan *KOMPLEKS>>KtPr=KD-σ>> DEP-IO>> MAKS-IO.

/ prab/	*KOMPLEKS	KtPr=KD-σ	DEP-IO	MAKS-IO
a. praʔ	*!	*		
☞b. pə.raʔ			*	
c. paʔ		*!		*

Seperti yang dapat dilihat, pengingkaran *KOMPLEKS dapat dielak oleh calon (b) dan (c) dengan cara menyisipkan vokal schwa /ə/ dan menggugurkan konsonan /r/ di posisi onset. Kesan daripada pematuhan ini, calon (c) telah mengingkari kekangan KtPr=KD-σ yang terletak lebih tinggi daripada kekangan DEP-IO, dan oleh yang demikian ia tewas dalam pertandingan itu. Pengingkaran kekangan MAKS-IO tidak relevan lagi dalam situasi ini. Akhirnya, calon (b) telah dipilih sebagai calon optimal kerana ia mengingkari kekangan yang paling minimal iaitu kekangan DEP-IO.

Peleburan Vokal

BTS membenarkan vokal rangkap wujud dalam struktur suku katanya. Manakala suku kata DMP tidak membenarkan ia berlaku. Oleh itu, rangkap vokal /ai/ di posisi rima suku kata awal BTS akan mengalami peleburan apabila diserap masuk ke dalam DMP. Menurut Zaharani (2006) deretan vokal ialah pewujudan dua vokal atau lebih dengan setiap satu vokal membentuk suku kata masing-masing. Ia berbeza dengan diftong. Catford (1977: 215 dlm Zaharani 2006) telah memberikan definisi diftong sebagai deretan dua vokal yang berlainan dalam satu suku kata yang sama (… *a sequence of two perceptively different vowel sounds within one and the same syllable*). Jadual 2 di bawah menyenaraikan kata pinjaman BTS yang mempunyai vokal rangkap /ai/ meresap masuk ke dalam DMP.

Jadual 2. Peleburan vokal dalam DMP


	BTS	DMP	MAKNA
ไฟฟ้า	/faifá:/	/fɛfa/	elektrik
รายการ	/raika:n/	/rɛkaN/	rancangan
รายงาน	/raiŋa:n/	/rɛŋaN/	laporan
วัยรุ่น	/wairûn/ /	wɛruN/	muda mudi
ใบเสร็จ	/baiset/	/bɛseʔ/	bil

Jadual 2 menunjukkan kata BTS yang mengandungi rangkap vokal /ai/ yang diserap masuk ke dalam DMP berubah menjadi vokal rendah [ɛ]. Peleburan rangkap vokal /ai/[†] berlaku pada kata pinjaman BTS yang mempunyai dua suku

[†] Perubahan yang berlaku pada rangkap vokal /au/ tidak dibincangkan kerana tiada data yang menunjukkan berlaku perubahan fonologi pada rangkap vokal tersebut.

kata. Rangkap vokal /ai/ dileburkan menjadi vokal rendah [ɛ]. Contohnya /fai.fá:/ berubah menjadi [fɛ. fa] dan bukannya /fa.i.fa/ kerana struktur suku kata DMP didirikan dengan onset sama seperti struktur suku kata Bahasa Malaysia (BM) yang beranggapan bahawa strukturnya ialah KV(K) yang bermaksud kehadiran onset dalam suku kata dasar adalah wajib dan tidak boleh diingkari (Teoh Boon Seong, 1994).
Secara amnya fenomena peleburan melibatkan dua segmen yang dihubungkan pada nodus rima digabungkan. Fitur antara kedua-dua segmen tersebut dileburkan dan disatukan untuk membentuk segmen baru, dan proses peleburan vokal tersebut dapat dilihat seperti yang berikut:

6. Proses Peleburan fitur rangkap vokal /ai/



Peleburan segmen ini berlaku pada kedudukan rima suku kata. Hasil gabungan fitur antara rangkap vokal tersebut membentuk satu segmen baru yang terdiri daripada vokal rendah [ɛ].

Berdasarkan data dalam Jadual 2, vokal /ai/ dileburkan menjadi vokal rendah [ɛ]. Peleburan bertujuan untuk mengatasi pengingkaran kekangan *KOMPLEKS. Dalam TO, kekangan yang mengawal perilaku peleburan segmen dari pada input kepada output ialah UNIFORMITI (McCarthy dan Prince 1999) yang didefinisikan seperti di bawah:

7. UNIFORMITI
Tiada elemen dalam output (S2) mempunyai padanan berganda dalam input (S1).

Dalam kata yang mudah, UNIFORMITI bermaksud satu unsur dalam S2 (output) tidak boleh mempunyai dua koresponden dalam S1(input). Dalam DMP kekangan ini harus diletak pada susunan tatatingkat yang lebih rendah daripada kekangan *KOMPLEKS, bagi memastikan calon yang mengalami peleburan akan muncul sebagai calon optimal, seperti yang ditunjukkan dalam tablo di bawah.

Tablo 4: Kekangan *KOMPLEKS>> UNIFORMITI

/faifá:/	*KOMPLEKS	UNIFORMITI
a. fai. fa	*!	
☞b. fɛ.fa		*

Justeru, dalam tablo 4 calon (a) yang mempunyai vokal kompleks tewas kerana ia telah mengingkari kekangan yang lebih dominan, iaitu kekangan *KOMPLEKS. Pengingkaran kekangan *KOMPLEKS dapat dielak oleh calon (b) dengan cara peleburan vokal menjadi vokal rendah [ɛ] dan kesan daripada peleburan tersebut calon (b) mengingkari kekangan UNIFORMITI. Walau bagaimanapun, pengingkaran UNIFORMITI adalah minimal kerana kedudukannya berada lebih rendah daripada *KOMPLEKS. Jesteru, calon (b) adalah calon optimal.

Selain daripada peleburan vokal, pematuhan kekangan *KOMPLEKS boleh ditangani melalui penyukuan vokal rangkap menjadi [fa.i.fa]. Dalam hal ini Zaharani (1999, 2005) menegaskan tentang konsep pematuhan onset, iaitu bahasa Melayu menghendaki setiap suku kata di peringkat permukaan mempunyai onset. Pematuhan onset juga berlaku dalam DMP. Justeru, calon yang muncul tanpa onset dalam DMP tidak menjadi pilihan kerana vokal /i/ berdiri sebagai suku kata tanpa onset. Situasi ini dikekang oleh kekangan yang tidak membenar struktur suku kata tanpa onset dalam DMP yang dikenali sebagai kekangan ONSET.

8. ONSET
Suku kata mesti mempunyai onset

Kekangan ONSET mensyaratkan bahawa setiap suku kata mempunyai onset. Mana-mana suku kata yang didirikan tanpa onset akan mengingkari kekangan ini. Walau bagaimana pun, dalam keadaan tertentu ia juga boleh diingkari. Misalnya perkataan [i.kan] dan [ə.maʔ] dalam DMP suku kata pertama bagi kedua-duanya tidak mempunyai onset, justeru kata berkenaan telah mengingkari ONSET.


Tablo 5: Pengingkaran kekangan ONSET

/faifá:/	*KOMPLEKS	ONSET	UNIFORMITI
a. fai. fa	*!		
☞b. fɛ.fa			*
c. fa.i.fa		*!	

Paparan tablo 5 di atas, menunjukkan calon (a) yang direalisasikan sebagai output [fai. fa] mengingkari kekangan yang lebih tinggi dalam susunan tatatingkat iaitu kekangan *KOMPLEKS lalu tersingkir. Calon (c) juga tidak dipilih sebagai pemenang dalam pertandingan ini kerana vokal tinggi /i/ hadir tanpa onset. Manakala calon (b) yang direpresentasikan di peringkat output sebagai [fɛ.fa] telah mematuhi kekangan *KOMPLEKS dan ONSET. Walau bagaimana pun calon (b) mengingkari kekangan UNIFORMITI yang tidak membenarkan peleburan segmen berlaku. Namun, calon (b) dianggap sebagai optimal kerana ia mengingkari kekangan UNIFORMITI yang berada pada tatatingkat yang lebih rendah dalam susunan hierarki kekangan. Peleburan vokal juga berlaku dalam dialek Kelantan pada rangkap vokal yang wujud dalam kata yang bersuku kata tiga. Misalnya, kata /biasa/ direalisasikan sebagai [bɛsɔ] (Zaharani Ahmad, 2011).

Satu lagi calon yang munasabah ialah [faj.fa], iaitu vokal tinggi /i/ dihubungkan kepada nodus margin koda untuk direalisasikan sebagai geluncuran [j]. Berdasarkan pendekatan rumus, proses yang berlaku di sini ialah diftongisasi (Farid M.Onn, 1980; Teoh Boon Seong, 1994; Zaharani Ahmad, 1996). Berdasarkan analisis suku kata, proses penyukukataannya adalah seperti di bawah:

9. Proses penyukuan vokal tinggi /i/ kepada nodus koda



Proses penyukuan di atas, menunjukkan bahawa rangkap vokal /ai/ disukukatakan sebagai diftong [aj]. Proses penyukuan ini tidak mengingkari ONSET kerana garis penghubung yang menghubungkan vokal tinggi /i/ kepada koda suku kata menghasilkan bunyi geluncuran [j] di peringkat output. Berdasarkan susunan tatatingkat kekangan sebelum ini, bentuk [faj.fa] adalah lebih optimal.

Tablo 6: Kekangan *KOMPLEKS>> ONSET >> UNIFORMITI

/faifá:/	*KOMPLEKS	ONSET	UNIFORMITI
a. fai. fa	*!		
☺b. fɛ.fa			*
c. fa.i.fa		*!	
☹d. faj. fa			

Tablo 6 di atas menggambarkan berlakunya percanggahan antara calon (b) dan (d). Situasi percanggahan ini ditandai dengan lambang '☺' yang menunjukkan calon b adalah calon sebenar tetapi tidak dipilih sebagai pemenang. Calon (d) yang ditandakan dengan lambang '☹' terpilih sebagai pemenang tetapi ia bukan output optimal sebenar dalam DMP, walaupun ia mengingkari kekangan yang paling minimal. Untuk menyelesaikan situasi ini, kekangan baru harus diperkenalkan untuk menghalang calon (d) daripada dipilih sebagai output optimal. Kekangan yang relevan ialah kekangan *Diftong. Kekangan ini perlu berada pada tatatingkat kekangan yang lebih tinggi daripada UNIFORMITI dalam hierarki kekangan. Kekangan *Diftong didefinisikan seperti berikut:

10. *Diftong
Suku kata tidak boleh mempunyai bunyi diftong

Interaksi antara keempat-empat kekangan di atas dapat direpresentasikan dalam bentuk tablo seperti di bawah:

Tablo 7 : Interaksi antara kekangan KOMPLEKS >> ONSET >> *Diftong >> UNIFORMITI

/faifá:/	*KOMPLEKS	ONSET	*Diftong	UNIFORMITI
a. fai. fa	*!			
☞b. fɛ.fa				*
c. fa.i.fa		*!		
d. faj. fa			*!	

Tablo 7 di atas menunjukkan bahawa situasi konflik yang berlaku telah berjaya diatasi dengan mengemukakan kekangan *Diftong. Kekangan ini diletak pada kedudukan yang agak tinggi untuk menyekat calon (d) daripada terpilih sebagai pemenang. Calon (b) mematuhi kekangan *Diftong dan kekangan ONSET. Kali ini calon (b) muncul sebagai pemenang kerana mengingkari kekangan UNIFORMITI, yang dilakukannya hanya pada tahap minimal.

Bagi mematuhi kekangan ONSET, terdapat beberapa strategi lain yang berpotensi menghasilkan output optimal. Antaranya ialah pengguguran vokal tinggi [i] dan penyisipan glotis [ʔ] iaitu [fa. fa] dan [fa. ʔi. fa]. Walau bagaimanapun, calon tersebut mengingkari syarat kekangan daripada keluarga kekangan kesetiaan (*faithfulness family constraint*) yang tidak membenarkan pengguguran atau penyisipan segmen pada bentuk input dan output. Oleh itu,

calon-calon ini akan mengingkari kekangan MAKS-IO dan DEP-IO. Kekangan–kekangan ini diletakkan pada tingkat yang sederhana di dalam hierarki kekangan. Susunan tersebut adalah seperti berikut: KOMPLEKS >>ONSET >> *Diftong >> DEP-IO >> MAKS-IO >> UNIFORMITI. Interaksi antara kekangan-kekangan tersebut ditunjukkan dalam tablo di bawah.

Tablo 8: Kekangan KOMPLEKS >> ONSET >> *Diftong >> DEP-IO >> MAKS-IO >> UNIFORMITI.

/faifá:/	*KOMPLEKS	ONSET	*Diftong	PtPr=KD-σ	DEP-IO	MAKS-IO	UNIFORMITI
a.fai.fa	*!						
☞ b. fɛ. fa							*
c. fa. i. fa		*!		*			
d. faj. fa			*!				
e. fa. fa						*!	
f. fa. ʔi. fa				*!	*		

Tablo 8 di atas menunjukkan bahawa calon (b) [fɛ. fa] tetap menjadi calon optimal dalam susunan tatatingkat ini. Calon (a) dan (c) masing-masing mengingkari kekangan yang lebih tinggi dalam susunan tatatingkat. Calon (c) menunjukkan kesetiaannya pada input dan disukukatakan menjadi tiga suku kata, tetapi suku kata keduanya tidak mengandungi onset lalu mengingkari kekangan ONSET yang paling tinggi. Manakala calon (d) disukukatakan kepada dua suku kata dengan vokal tinggi /i/ direalisasikan sebagai [j] tetapi mengingkari kekangan *Diftong. Calon (e) pula menggugurkan /i/ bagi mematuhi kekangan ONSET tetapi mengingkari kekangan MAKS-IO. Calon (f) pula menunjukkan penyukuan tiga suku kata sebagaimana calon (a). Ia mematuhi ONSET dengan menyisipkan hentian glotis pada suku kata kedua tetapi mengingkari kekangan kata minimal PtPr=KD-σ yang tidak membenarkan kewujudan suku kata melebihi atau kurang daripada dua suku kata. Penyisipan yang berlaku ini juga menyebabkan pengingkaran terhadap kekangan DEP-IO, dan sekali gus tewas dalam pertandingan.

5. Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, makalah ini telah menghurai dan menjelaskan bahawa fenomena adaptasi fonologi yang berlaku pada kata pinjaman BTS ke dalam DMP, iaitu penyisipan vokal pada rangkap konsonan dan peleburan vokal yang melibatkan rangkap vokal /ai/ di posisi rima suku kata awal yang berlaku didorong oleh kekangan *KOMPLEKS. Kekangan *KOMPLEKS ini berada di tatatingkat yang tinggi, dan pematuhan kepada kekangan tersebut melibatkan pengingkaran kekangan DEP-IO dan UNIFORMITI yang diletakkan pada tahap yang rendah. Susunan tatatingkat kekangan yang lengkap adalah seperti berikut:

*KOMPLEKS >> ONSET >> *Diftong >> KtPr=KD-σ >> DEP-IO>> MAKS- IO >> UNIFORMITI.

Tatatingkat kekangan di atas telah berjaya menjelaskan fenomena penyisipan vokal
pada rangkap konsonan dan peleburan vokal /ai/ di nodus nukleus suku kata dengan baik dan berpada.

Rujukan

Adam, G. (2002). *From variable to optimal grammar: evidence from language acquisition and language change*. Tesis Ph.D. Tel Aviv University. dicapai pada 5 Julai 2010, daripada http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=567

Adi Yasran Abdul Aziz. (2004). *Aspek fonologi dialek Kelantan: Satu analisis teori optimaliti*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.

McCarthy, J. J. & Prince, A.M. (1993a). Generalized alignment. dicapai pada 10 Januari 2009, daripada http://roa.rutgers.edu/files /7-oooo/roa-7-mccarthy-2.pdf.

McCarthy, J. J. & Prince, A.M. (1993b). *Prosodic morphology I: Constraint interaction and satisfaction*. Technical report #3, Rutgers University Center for Cognitive Science. Massachusetts: MIT Press.

McCarthy, J. J. & Prince, A.M. (1994). The emergence of the unmarked: Optimality in prosodic morphology. Dicapai pada 27 Januari 2009,

daripada http://roa.rutgers.edu/view.phd3?roa=13

McCarthy, J. J. & Prince, A.S. (1999). Faithfulness and identity in prosodic morphology. In R. Kager, H. van der Hulst & W.Zonneveld (Eds.). *The prosody- morphology interface*. NewYork: Cambridge University Press.

Phaitoon M. Chaiyanara. (2005). Perubahan autosegmen dalam dialek Patani: Fenomena transmorfofonologisasi. Kertas kerja utama pada Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera, dan Budaya kali kedua. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Putera Malaysia. 24-25 Januari.

R. Mioa. (2005). *Loanword adaptation in Mandarin Chinese: Perceptual, phonological, and sociolinguistic factors.* Thesis Ph.D. Stony Brook University. dicapai pada 10 Ogos 2009, daripada http://linguistics.kosmonaut.us/files/Miao_2005.pdf

Syed Abdullah Al- Jufri. 1983. *Pengucapan kata- kata Thai dalam Dialek Melayu Patani*. Seminar Fonologi Melayu 28-30 Oktober, Kuala Lumpur.

Teoh Boon Seong. (1994). *The sound system of Malay revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Theraphan Luangthongkum. (2008). The Position of Non-Thai languages in Thailand. Dlm. Hock Guan Lee, Leo Suryadinata (pnyt). *Language, Nation and Development in Southeast Asia*. 181-191. Singapore : LSEAS Publishing. dicapai pada 12 Jun 2010, daripada http://www.google.combooks?.

Weinreich, U. (1964). *Language in contact*. Ed. Ke-3. London: Mouton & Co.

Worawit Baru. (1990). *Pengaruh Bahasa Thai ke atas Dialek Patani: Kajian kes Sosiolinguistik di Wilayah Pattani.* Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Zaharani Ahmad. (1991). *The Phonology and morphology of the Perak dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad. (1996). Teori optimality dan analisis deretan vokal bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 40(6), 512-527.

Zaharani Ahmad. (1999). Struktur suku kata dasar bahasa Melayu: Pematuhan dan pengingkaran onset. *Jurnal Dewan Bahasa* 43(12): 1058-1076.

Zaharani Ahmad. (2004). Alignment and the syllable coda condition in Malay: An optimality account. *GEMA Online ™ Journal of Language Studies, 4*(2), 1-32. dicapai pada 6 May 2011, daripada http://pkukmweb.ukm.my/~ppbl/Gema/GemaVol4.2.2004No2.pdf.

Zaharani Ahmad. (2005). *Phonology-morphology interface in Malay: An optimality theoretic account.* Australia National University: Pacific Linguistics.

Zaharani Ahmad. (2011). Fonologi rangkap vokal dan kepelbagaian Dialek Melayu: Analisis Teori Optimaliti. *GEMA Online ™ Journal of Language Studies,11*(3):5-29. dicapai pada 5 Mac 2012, daripada http://www.ukm.my/ppbl/Gema/GEMA%20vol%2011%20(3)%202011/pp5-30.pdf

Zaharani et.al. (2011). Fonologi Kata Pinjaman Sanskrit dan Teori Optimaliti. *Jurnal Linguistik.* Jilid 12 (Edisi Khas).